

# Dah tunggu 25 tahun

HM 13/09/23 MIS 4

Oleh Nur Izzati  
Mohamad  
am@hmetro.com.my

## Bukit Mertajam

**S**lepas lebih 25 tahun menunggu rumah dibina, puluhan nelayan di Kampung Kuala Juru di sini, dikatakan bakal 'dihadiahkan' kolam ternakan udang.

Kerana berasakan hak mereka terabai, kumpulan nelayan berkenaan membuat bantahan terhadap aktiviti ternakan udang yang didakwa bakal dibangunkan di atas tanah yang sepatutnya dilaksanakan projek perumahan untuk mereka.

Dakwa nelayan, kerajaan ketika itu melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah berjanji untuk membantu golongan nelayan yang tidak mempunyai kediaman untuk memiliki rumah sejak 25 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Kuala Juru Wahid

Othman berkata, bagaimanapun, lebih dua dekad berlalu, projek perumahan untuk penempatan nelayan serta penduduk yang dijanjikan itu masih belum dibina.

Bahkan katanya, penduduk tiba-tiba dikejutkan dengan pencerobohan oleh sebuah syarikat yang tidak diketahui yang masuk ke kawasan tanah berkeluasan hampir 11 hektar sebelum membersihkan kawasan berkenaan bagi melaksanakan aktiviti ternakan udang.

"Pada mulanya, saya dimaklumkan (ada syarikat nak masuk) untuk buat kajian (ingat projek perumahan) tetapi datang jentolak membersihkan kawasan itu bulan lalu kerana mahu membangunkan kolam ternakan udang.

"Ia menyebabkan nelayan amat kecewa dan terus membuat bantahan dengan segera melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) memandangkan ia tidak mengikut peraturan.

"Apatah lagi, mereka (nelayan) amat berharap supaya projek perumahan itu dilaksanakan kerana mahu memiliki kediaman sendiri terutamanya anak-anak muda yang berkahwin tidak mahu lagi menumpang rumah dengan ibu bapa mereka untuk kehidupan lebih selesa," katanya kepada media di sini.

Terdahulu, Wahid mewakili suara lebih 50 nelayan dan penduduk dekat situ yang tidak berpuas hati apabila tanah yang sepatutnya dibina dengan projek penempatan nelayan ditukar kepada kolam ternakan udang yang tidak pernah dipersetujui sejak dahulu lagi.

Wahid berkata, mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Projek Penempatan Perumahan Nelayan Juru bertarikh 15 Oktober 1998, LKIM memperuntukkan RM500,000 sebagai pembiayaan untuk infrastruktur awal seperti kajian tapak untuk pelaksanaan projek perumahan itu.

"Bagaimanapun, sehingga hari ini (projek rumah) masih belum dibina dan apabila dibangkitkan cadangan dalam setiap minit me-

syuarat kepada LKIM, mereka maklumkan tanah itu tidak sesuai (untuk projek perumahan) kerana menadap dan lain-lain isu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Luar Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Zulkifli Yusof berkata, pihaknya menggesa LKIM melaksanakan segera projek perumahan untuk nelayan itu dengan segera kerana sudah tertangguh sejak 25 tahun lalu.

"CAP kesal walaupun rancangan pembinaan projek itu sudah lama diluluskan namun hingga sekarang, nelayan di sini memerlukan rumah sendiri terutama mereka yang sudah berkahwin dan berkeluarga yang masih menunggu bagi mendapatkannya.

"Pada masa sama, CAP turut membantah kawasan itu dijadikan tapak projek ternakan udang kerana ia juga mengancam alam sekitar dan kawasan ternakan kerang seluas 40.47 hektar di laut berhampiran," katanya.



WAHID (dua dari kiri) membantah pembersihan kawasan tapak projek perumahan nelayan didakwa untuk akitiviti ternakan udang di Kampung Kuala Juru, Bukit Mertajam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD